



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

22 OKTOBER 2024 (SELASA)

BILANGAN 32 / 2024 (CPA)

ISU TULAR MENGENAI PENYELUDUPAN KERETA MEWAH

1. Pada 21 Oktober 2024, isu tular di salah sebuah platform media sosial membabitkan sindiket penyeludupan kereta mewah di Sarawak yang dikatakan dipayungi oleh Ketua Pengarah Kastam (KPK) telah tersebar. Platform media sosial tersebut mendakwa bahawa sindiket telah mendapat layanan istimewa daripada KPK dan kemudiannya akan dilepaskan. Sehubungan itu, JKDM ingin membuat penafian berhubung dengan tohmahan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
2. Sebagai makluman, Bahagian XII Akta Kastam 1967 telah menjamin hak untuk pegawai-pegawai yang ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan tanpa sebarang campur tangan daripada mana-mana pihak. Ini termasuk aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di peringkat negeri, dimana ia adalah di bawah bidang kuasa negeri yang diterajui oleh Pengarah Kastam Negeri masing-masing.
3. Bersabit dengan isu yang tertular ini, ditegaskan bahawa kenderaan-kenderaan di Sarawak ini telah disita di bawah Seksyen 114 Akta Kastam 1967 dan pemilik kenderaan-kenderaan tersebut juga telah disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta yang sama. JKDM ingin menegaskan bahawa Akta Kastam 1967 memberi kuasa kepada pegawai kastam untuk menyita apa-apa barang sekiranya terdapat sebab yang munasabah (*reasonable suspicious*) untuk mengesyaki berlakunya kesalahan di bawah Akta tersebut atau peraturan-peraturannya. Pegawai kastam juga telah diberi kuasa yang komprehensif di bawah Seksyen 106B dan 106C Akta Kastam 1967 untuk menjalankan pemeriksaan, siasatan dan penguatkuasaan. Keputusan untuk meneruskan sesuatu tindakan sama ada pendakwaan atau melepaskan kenderaan-kenderaan tersebut adalah tertakluk kepada kuasa Pendakwaraya di bawah Seksyen 379 Kanun Acara Jenayah.



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial

4. Sehubungan dengan itu, JKDM menafikan penglibatan KPK dalam penahanan / siasatan kenderaan-kenderaan yang disita kerana perkara ini jelas di bawah bidang tugas Bahagian Penguatkuasaan yang diterajui oleh Pengarah Kastam Negeri Sarawak. JKDM juga ingin menegaskan bahawa KPK tidak pernah campur tangan dalam urusan atau aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan penahanan kenderaan-kenderaan tersebut. Atas penafian ini, satu laporan polis telah dibuat bagi menjaga nama baik dan imej KPK serta JKDM.
5. Berdasarkan rekod JKDM, bagi tempoh Januari – September 2024, JKDM Sarawak telah berjaya menahan sebanyak 56 buah unit kenderaan untuk siasatan yang melibatkan kutipan hasil berjumlah RM11.7 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 115.4% bagi jumlah unit kenderaan dan juga peningkatan sebanyak 192.5% bagi jumlah hasil berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023.

TAHUN	2023	2024	Perbandingan Peratusan
BILANGAN UNIT	26	56	115.4%
NILAI (RM JUTA)	2.0	4.5	122.8%
CUKAI (RM JUTA)	2.0	7.2	263.6%
JUMLAH NILAI & CUKAI (JUTA)	4.0	11.7	192.5%

*Statistik jumlah kenderaan yang disiasat oleh JKDM Sarawak
bagi tahun 2023 dan 2024 (Januari – September)*

Tindakan Penguatkuasaan JKDM yang tegas akan berterusan walaupun tohmahan dan fitnah dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan prestasi rampasan yang telah meningkat bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023.

6. Di atas komitmen tersebut, JKDM juga telah mengenal pasti dan membina profil pengimport-pengimpot kenderaan di Malaysia dan telah bekerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI). Warga Penguatkuasaan JKDM akan sentiasa komited dalam menguatkuasakan perundangan dan mencegah penyeludupan serta mengawal sempadan negara. Selaras dengan semangat Cekap, Tangkas dan Berintegriti, warga JKDM khususnya sayap Penguatkuasaan akan terus melunasi amanah ini.

7. Kami menyarankan orang ramai agar lebih berhati-hati dengan membuat semakan dan pengesahan terlebih dahulu melalui sumber rasmi daripada JKDM mengenai apa-apa maklumat yang diterima. JKDM menyeru kepada orang awam agar sentiasa memberi kerjasama dengan menyalur maklumat berkenaan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi terus talian bebas tol kastam 1-800-88-8855. JKDM menjamin bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, Terima Kasih.

RIBUAN BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM

(PENGUATKUASAAN & PEMATUHAN)

22 OKTOBER 2024



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial